

# Silat berkembang di Australia Barat

28 NOV 1990

## Mohamed buka dua kelas ajar seni silat

Oleh MOHD NIZAM ISMAIL

SEMANGAT untuk hidupan budaya Melayu terus membara meskipun Encik Mohamed Mustaffa, 35 tahun, tidak lagi menetap di sini.

Encik Mohamed, yang menjadi warga tetap Australia sejak dua tahun lalu, berusaha memperkenalkan seni silat Melayu kepada warga Australia dan menggalakkan orang Melayu di Australia agar terus mempelajarinya.

Berkat usahanya itu, beliau dan empat orang muridnya akan mewakili Australia dalam Pertandingan Silat Terbuka Antarabangsa di Kuala Lumpur 2 Disember ini. *MELAYU. Di SBG LAUT.*

Ketika ditemui semasa berada di Singapura baru-baru ini, Encik Mohamed berkata beliau berpendapat usaha memperkenalkan seni silat Melayu di Australia sebagai suatu tanggungjawab mengekalkan budaya seni Melayu agar ia sama taraf dengan seni mempertahankan diri yang lain.

Encik Mohamed, seorang jurulatih silat gayung puku-



**ENCIK MOHAMED:** Ura-ura buka sebuah lagi kelas di Melbourne atau Sydney.

lan sebelum beliau berhijrah ke Australia, telah membuka dua kelas silat gayung pukan di Port Hedland dan Perth, di Australia Barat, yang diadakan pada sebelah malam. *Warga Melayu di SBG*

Sejauh ini, kelas seni silat anjuran Encik Mohamed, bapa kepada seorang anak, telah menarik 90 orang murid, termasuk murid bangsa Australia.

"Saya bercadang untuk membuka sebuah lagi kelas di Melbourne atau di Sydney," tambah Encik Mohamed, yang pernah bertugas dengan Syarikat Penerbangan Singapura selama 11 tahun.

Untuk pertandingan di Kuala Lumpur nanti, selain

## gayung pukulan



**ENCIK JUANA:** Berasa bangga kerana dapat mengembangkan budaya Melayu.

daripada beliau sendiri, empat daripada muridnya, warga Australia yang masih mengamalkan budaya dan bahasa Melayu, akan turut menyertainya.

Mereka ialah Encik Azhar Awang, 26 tahun, Encik Amran Awang, 25 tahun, Encik Nor Azman Wahid, 26 tahun dan Encik Juana Hosnie, 37 tahun.

Mereka berada di sini untuk bertemu dengan rakan-rakan Encik Mohamed yang berkecimpung dalam seni silat di sini.

Encik Juana yang berasal dari Pulau Krismas memberitahu bahawa pertandingan di Kuala Lumpur merupakan pengalaman pertama beliau mewakili Australia di peringkat antarabangsa.

"Saya berasa bangga kerana dapat mengembangkan budaya Melayu.

"Ini juga merupakan peluang bagi saya untuk bersama-sama dan bergaul dengan orang-orang dari rumpun Melayu," kata Encik Juana, yang pernah ke Singapura 17 tahun lalu.

28 NOV 1990